

PM bidas PBT

BH 21 DEC 2002

Oleh Misiah Taib

BANGI, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas pihak berkuasa tempatan (PBT) kerana malas memungut cukai sehingga agensi itu gagal mendapat pungutan yang baik berbanding agensi kerajaan lain.

Perdana Menteri berkata, lebih menyedihkan ialah apabila tidak cukup duit kerana gagal mendapat sumber pendapatan daripada kutipan cukai, PBT akan meminta wang daripada Kerajaan Pusat untuk menampung keperluan mereka.

Secara berseloroh, beliau tidak menolak kemungkinan ramai ahli majlis tempatan terdiri daripada orang politik yang tidak mahu mengambil tindakan tidak popular itu sebagai kegagalan PBT memungut cukai secara berkesan.

“Orang politik ini malas sangat nak pungut cukai, takut tak popular. Jadi dengan itu pihak berkuasa tempatan tidak memungut cukai yang sepatutnya.

“Kita akan mengambil tindakan untuk memastikan mereka memungut cukai kerana apabila tak cukup duit mereka meminta dengan Kerajaan Pusat, sedangkan kita ada perbelanjaan lain perlu dibuat dengan sumber pendapatan yang ada,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berucap di upacara penyerahan Surat Akujanji serta majlis sambutan Aidilfitri Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) di Akademi Percukaian Negara, di sini hari ini.

Hadir sama isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis; Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman dan Ketua Eksekutif LHDN, Datuk Zainol Abidin Abd Rashid.

Dr Mahathir bagaimanapun memuji kaki tangan LHDN dan Jabatan Kastam Diraja kerana membuat pungutan yang baik. Kecekapan LHDN membolehkan pungutan cukai pada tahun ini melebihi RM40 bilion, paling tinggi dalam sejarah.

“Kejayaan LHDN ini menunjukkan keputusan kerajaan untuk memindahkan tanggungjawab Jabatan Hasil Dalam Negeri kepada LHDN adalah satu tindakan bijak dan berhasil.

“Walaupun kutipan cukai tinggi, tidak banyak rungutan daripada mereka yang terpaksa membayar lebih kerana pendekatan digunakan oleh pemungut cukai dapat diterima oleh mereka,” katanya.

Beliau berkata, dalam bajet setiap tahun, cukai dikurangkan dan elaun tak bercukai pula bertambah. Bagaimanapun, hanya

Tiada cadangan turunkan lagi cukai korporat

DARI MUKA 1 **BH 21 DEC 21**

satu juta daripada penduduk Malaysia yang kini berjumlah 24 juta orang, membayar cukai pendapatan mereka.

Di negara lain, katanya kerajaan mereka menentukan semua rakyat membayar cukai dan caruman khidmat kesihatan, manakala mereka yang berpendapatan tinggi pula perlu membayar lebih.

Perdana Menteri berkata, kerajaan Malaysia tidak mahu menyusahkan peniaga dan menurunkan cukai korporat daripada 48 peratus kepada 28 peratus.

“Walaupun ada desakan untuk dikurangkan lagi tetapi kita tidak dapat berbuat demikian. Jika kita turunkan kepada 25 peratus, nanti negara lain akan ikut sama.

Oleh itu, kerajaan tidak bercadang mengurangkan cukai korporat tahun ini dan tahun hadapan kerana cukai lain telah diturunkan.

“Setengah negara mempunyai peraturan dalam pemungutan cukai dan ada yang boleh melakukan tawar menawar hingga menyebabkan mereka kekurangan sumber kewangan untuk memulihkan ekonomi mereka,” katanya.

Dr Mahathir berkata kedudukan kewangan Malaysia sekarang adalah kukuh kerana kerajaan berbelanja mengikut kemampuan selain membina kemudahan demi untuk kesejahteraan rakyat.

Selain itu, kerajaan sanggup memastikan perbelanjaan rakyat dapat dikurangkan melalui subsidi seperti penggunaan lebuhraya yang jauh lebih murah berbanding negara lain dan subsidi harga minyak.

“Tetapi jika terlalu banyak subsidi, akan berlaku pengherotan dalam ekonomi. Oleh itu perlu kurangkan subsidi.

“Sumbangan rakyat adalah diperlukan untuk mengurangkan beban yang dipikul kerajaan.

“Malaysia memberi kemudahan yang sama seperti negara maju tetapi rakyat di sini tidak perlu membayar seperti rakyat mereka,” katanya.

LIHAT MUKA 2